



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 4 FEBRUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFS MAHU WUJUD SISTEM DATA RAYA PANTAU BEKALAN SAYUR, KOSMO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	MAFS SOKONG USAHA TINGKATKAN PENDAPATAN PETANI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
3.	MAFS PERKASA SEKTOR AGRO DI KALABAKAN, TAWAU, TEMPATAN, HARIAN EKSPRES (KK) -4	
4.	JELAJAH AGROTOURISM MAFS SASAR TARIK MINAT BELIA DALAM PERTANIAN, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
5.	SISTEM KUMPUL MAKLUMAT BEKALAN SAYUR BOLEH BANTU PERSIAPAN AWAL, ELAK KEKURANGAN -MOHAMAD, GETARAN -ONLINE	
6.	SEWA TANAH NAIK, PEKEBUN TERBEBAK, NASIONAL, SH -26	
7.	LPP, FAMA DIARAH SEGERA LAKSANA INTERVENSI ATASI KEKURANGAN BAKALAN SAYUR, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	TEKANAN UNTUK NAIKKAN HARGA?, DALAM NEGERI, UM -2	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## MAFS mahu wujud sistem data raya pantau bekalan sayur



PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) akan mewujudkan sistem data raya bagi mendapatkan maklumat secara ‘real time’ (waktu sebenar) bekalan sayur-sayuran di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, langkah jangka panjang itu penting bagi memastikan bekalan sayur berkenaan dapat dipantau dengan sistematik.

Beliau berkata, sistem data raya itu akan membantu membuat unjuran dan persiapan awal untuk

menghadapi sebarang kemungkinan.

“Sistem itu akan memantau jenis sayuran yang sedang ditanam, jumlah pengeluaran, lokasi pengeluaran, jumlah import dan eksport, jumlah permintaan dan kos pengeluaran.

“Pagi ini, saya membaca laporan mengenai kekurangan bekalan sayur seperti kacang panjang, bendi dan terung,” katanya menerusi hantaran Facebook di sini tadi.

Menurutnya, beliau turut mengarahkan pegawai dan agensi terlibat seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk mengambil langkah intervensi segera bagi menambah dan mencukupkan bekalan.

Mengulas lanjut mengenai sistem data raya itu, Mohamad berkata, ia akan membantu pihaknya memantau bekalan dan pengeluaran sayur-sayuran di seluruh negara hanya menerusi telefon pintar pada bila-bila masa.

“Misalnya, jika kita dah boleh unjur tiga bulan lagi bekalan timun akan berkurangan, maka kita dah boleh minta agensi untuk giatkan tanaman sayuran jenis itu mulai minggu ini.

“Saya yakin ramai anak muda di luar sana mampu menghasilkan sistem ini dan MAFS tidak ada halangan untuk memberikan dana yang sewajarnya untuk mereka membangunkan sistem ini demi kebaikan semua,” katanya.- KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2023	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## MAFS sokong usaha tingkatkan pendapatan petani



CENDERA KENANGAN : Chan (tiga kanan) menerima cendera kenangan daripada Joseph.

TAWAU: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) akan sentiasa menyokong usaha untuk membantu meningkatkan pendapatan petani di negara ini.

Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata usaha itu sentiasa menjadi keutamaan kerajaan supaya bidang pertanian maju seiring perkembangan masa.

Katanya, kerajaan menerusi MAFS akan menyalurkan beberapa insentif dan geran bagi memastikan petani tempatan dapat dibantu.

"Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah agensi di bawah MAFS yang boleh dirujuk bagi mendapatkan bantuan tersebut.

"MAFS juga sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri Sabah bagi memastikan semua perancangan kementerian dapat dicapai dengan jayanya," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Kinabalu berkata demikian ketika merasmikan Pasar Malam Megah, di sini semalam.

Menurutnya, MAFS menyambut baik usaha yang dilakukan oleh pihak konsesi dan Majlis Perbandaran Tawau (MPT) kerana mewujudkan pasar malam ini bagi memberi peluang kepada peniaga kecil menambah pendapatan.

"Saya difahamkan pasar malam ini turut menjual buah-buahan tempatan segar yang diusahakan oleh petani di daerah ini.

"MAFS yakin daerah ini berpotensi menjadi pengeluar utama buah-buahan tempatan di Sabah, sekali gus mampu dijadikan tarikan sektor pelancongan berdasarkan makanan," katanya.

Sementara itu, konsesi Pasar Malam Megah, Heston Chu berkata, pasar malam ini adalah inisiatif pihaknya dengan kerjasama MPT, FAMA dan LPP.


Beliau berkata, pihaknya juga mahu memberi peluang kepada penduduk di daerah ini terutamanya petani dan peladang untuk menjual hasil tanaman mereka.

"Saya berkeyakinan pasar malam ini menjadi lokasi wajib untuk dikunjungi penduduk dan pelancong yang mahukan buah-buahan tempatan kerana ia dibuka setiap hari bermula 6 petang.

"Kami berharap supaya peniaga dan petani di daerah ini dapat mengambil peluang berniaga di Pasar Malam Megah kerana ia akan menjadi lokasi paling meriah pada masa akan datang," katanya.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Balung, Datuk Hamild Awang; Presiden MPT, Joseph Pang dan Ketua Konsulat Republik Indonesia (KRI) Heni Hamidah.

<b>Headline</b>	MAFS perkasa sektor agro di Kalabakan, Tawau		
<b>MediaTitle</b>	Harian Ekspres (KK)		
<b>Date</b>	04-Feb-2023	<b>Color</b>	Black/white
<b>Section</b>	Tempatan	<b>Circulation</b>	25,055
<b>Page No</b>	4	<b>Readership</b>	75,165
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	369 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	Lagatah Toyos	<b>AdValue</b>	RM 784
<b>Frequency</b>	Daily (EM)	<b>PR Value</b>	RM 2,352



## MAFS perkasa sektor agro di Kalabakan, Tawau

**Lagatah Toyos**

TAWAU: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) akan memperkasakan sektor pertanian, perladangan dan penternakan di Kalabakan dan Tawau, yang merupakan kawasan pertama bakal menerima manfaat susulan perpindahan ibu kota Indonesia dari Jakarta ke Nusantara, Kalimantan.

Timbalan Menteri MAFS, Chan Soong Hin berkata, pihaknya akan mengkaji kaedah terbaik untuk membangunkan sektor ini di kawasan itu, namun mengaku akan mengambil sedikit masa kerana perbincangan dengan pihak-pihak terlibat perlu dilakukan.

Menurutnya, wilayah Tawau termasuk Kalabakan, Kunak, Semporna dan Lahad Datu sememangnya terkenal dengan tanah yang subur dan potensinya cukup besar untuk tanaman perladangan, pertanian serta penerokaan diperkasakan sebagai usaha keterjaminan makanan agar mencukupi.

Beliau berkata demikian kepada wakil media selepas pertemuan dengan Ahli Jemaah Pengaruh (AJP) dan anggota Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Wilayah Tawau, di Bilik Mesyuarat PPK Kalabakan sempena lawatan kerja rasmi ke daerah ini, pada Jumat.

Hadir sama, Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah (MID) Datuk Andi Muhammad Suryandy Bandy, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Amir Matamun dan Penyuri LPP Sabah, Hadiyani Ahmad.

Dalam pada itu, Chan yang juga Ahli Parlimen Kota Kinabalu berkata usaha untuk menyerlahkan lagi potensi terpendam sektor agromakanan negara memerlukan kerjasama bersepakat sebagai kunci untuk meningkatkan produktiviti memerlui penerapan teknologi terkini.

"Kolaborasi strategik antara kementerian di peringkat Persekutuan dan Negeri perlu



CHAN melawat kilang pembungkusan beras PPK Kalabakan sempena lawatan kerja itu.

terjalin dengan baik serta harus disokong pelbagai pihak berkepentingan," katanya.

Menurutnya, pihaknya turut menggariskan tiga ruang kerjasama yang boleh ditetap bersama oleh MAFS dan Kerajaan Sabah untuk memanggil cabaran dihadapi dalam melaksanakan program pertanian bandar dan program berimpak serta teknologi tinggi.

Demikian juga dengan usaha bersepakat untuk menjalankan pertanian sebagai pilihan orang muda untuk masa hadapan, katanya.

Ini kerana, beliau berkata, pada kebiasaannya ibu bapa dan anak muda menganggap industri teknologi (ICT), pembuatan dan bidang korporat adalah lanjut kerjaya yang boleh menjammin masa depan mereka.

"Oleh itu, kita perlu menjenamakan semula kerjaya dalam bidang pertanian sebagai peluang ekonomi yang mampu membawa pulangan berpatutan bagi menarik minat golongan muda mencebur sektor pertanian," katanya.

Menurutnya, banyak inisiatif kerjaya untuk menggalakkan penyertaan anak

muda dalam bidang pertanian termasuk program Agropreneur Muda menerusi pembenaran Geran Agropreneur Muda (GAM) kepada mereka berkelayukan sehingga RM20,000, bergantung jenis projek.

Malah, Agrobank Sabah turut menyediakan geran khay RM10,000 untuk menggalakkan penyertaan golongan muda mencebur bidang pertanian.

Justeru, beliau menggalakkan anak-anak muda mengambil peluang bertemu dengan kakitangan atau warga komuniti lainnya untuk mendapatkan maklumat berkaitan.

Dalam perkembangan berikutnya, Chan berkata, bantuan kepada petani terjaya hasil akibat banjir dan musim tengkujuh dijangka akan diagihkan di Sabah pada awal tahun ini juga, selepas beberapa tahap di semenanjung termasuk Kelantan dan Kedah menerima pada penghujung tahun lepas.

Katanya, bantuan tersebut adalah 50 peratus daripada kerugian yang dialami petani dan pesawah yang mengalami kegagalan hasil atau hasil tanaman rosak akibat cuaca, dan bantuan itu berbentuk kewangan atau bantuan lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Jelajah Agrotourism MAFS sasar tarik minat belia dalam pertanian



KUALA LUMPUR – Jelajah Agrotourism dan Agroyouth, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) Siri Ke-2 yang bermula di Selangor menawarkan perkongsian maklumat berkaitan inisiatif dan bantuan yang ditawarkan oleh kementerian terutamanya kepada golongan petani, penternak, nelayan mahupun usahawan dalam bidang agromakanan.

Pengunjung berpeluang mengemukakan sebarang pandangan atau pertanyaan kepada pegawai-pegawai MAFS secara bersemuka bagi membolehkan penilaian dan tindakan lanjut dapat diselaraskan.

Jelajah ini bermula semalam sehingga esok.

MAFS berkata, Program Agropelancongan dan Agropreneur Muda ini merupakan elemen utama penganjuran jelajah ini bagi memperkuuh sektor pertanian negara menerusi penglibatan aktif belia dan kepelbagaian sumber pendapatan berdasarkan pertanian.

Program turun padang ini merupakan kesinambungan dari kejayaan siri pertama pada 2 hingga 4 Disember 2022 di Pasir Gudang, Johor.

Menurutnya, program ini selaras dengan harapan menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu agar penglibatan belia dalam bidang pertanian yang menjadi salah satu daripada lima fokus utama MAFS sebagai pemangkin kepada kesinambungan sektor pertanian negara.

Pelbagai program disusun sepanjang jelajah ini antaranya penawaran pakej-pakej pelancongan berdasarkan pertanian, pemandanan perniagaan, jualan, kursus keusahawanan dan perkongsian kisah kejayaan.

Turut diadakan jualan pasaran pilihan rakyat iaitu My Best Buy (MBB) yang merupakan inisiatif kerajaan dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Untuk rekod, sehingga 2022, sebanyak 146 Pusat Agropelancongan yang berdaftar di bawah bimbingan Jabatan dan Agensi MAFS telah diberikan bantuan Geran Agropelancongan dengan nilai RM22.13 juta.

Manakala statistik kunjungan pelawat ke pusat-pusat agropelancongan daripada tahun 2019 hingga 2021 ialah seramai 4.4 juta orang dengan hasil pendapatan berjumlah RM81.4 juta.

Bagi bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) untuk individu berumur 18 hingga 40 tahun, seramai 8,403 orang agropreneur muda di seluruh negara telah mendapat manfaat dari 2016 hingga 2022 dengan nilai kelulusan berjumlah RM151.75 juta. – MalaysiaGazett

## Sistem Kumpul Maklumat Bekalan Sayur Boleh Bantu Persiapan Awal, Elak Kekurangan - Mohamad



Terung antara jenis sayur yang dilaporkan mengalami kekurangan bekalan. - Gambar oleh Sairien Nafis

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) perlu mewujudkan sistem data raya untuk mendapatkan maklumat secara waktunya nyata (real time), berhubung aspek bekalan sayur di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, melalui sistem tersebut, kementerian itu akan dapat membuat unjuran dan persiapan awal untuk menghadapi sebarang kemungkinan, termasuk kekurangan bekalan.

Katanya, maklumat waktu nyata itu merangkumi jenis sayuran sedang ditanam, jumlah pengeluaran, lokasi pengeluaran, jumlah import dan eksport, jumlah permintaan serta kos pengeluaran.

“Pagi ini saya membaca laporan mengenai kekurangan bekalan sayur, seperti kacang panjang, bendi dan terung.

“Saya sudah mengarahkan pegawai saya dan agensi terlibat, seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk mengambil langkah intervensi segera bagi menambah dan mencukupkan bekalan.

“Bagi jangka masa panjang, kementerian perlu mewujudkan sistem data raya untuk kita mendapatkan maklumat secara ‘real time’,” katanya menerusi kenyataan.

Mohamad menambah, meskipun beliau bukanlah mahir dalam bidang teknologi maklumat (IT), beliau melihat sekiranya papan pemuka (dashboard) sistem terbabit boleh diakses melalui telefon pintar, persiapan awal dapat dilakukan pada bila-bila masa.

“Misalnya jika kita dah boleh unjur tiga bulan lagi bekalan timun akan berkurangan, maka kita dah boleh minta agensi untuk giatkan tanaman sayuran jenis itu mulai minggu ini,” katanya.

Pada masa sama, Mohamad berkata, beliau juga yakin ramai anak muda di negara ini mampu menghasilkan sistem seumpamanya.

“Saya rasa kementerian tidak ada halangan untuk memberikan dana sewajarnya untuk mereka membangunkan sistem ini demi kebaikan semua,” katanya. - Getaran, 4 Februari 2023

Headline	Sewa tanah naik, pekebun terbebani		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Feb 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	26	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	365 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh NORAWAZNI YUSOF KUANTAN	AdValue	RM 7,738
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,214



# Sewa tanah naik, pekebun terbebani

Kerajaan Pusat diminta bantu selesaikan masalah pekebun di Cameron Highlands

Oleh NORAWAZNI YUSOF KUANTAN

Tindakan kerajaan negeri Pahang menawarkan sewaan tanah dengan kadar kenaikan hampir 500 peratus menyebabkan antara faktor pekebun di Cameron Highlands tidak mahu melabur.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanah Rata, Ho Chi Yang menjelaskan, kadar sewaan tanah diberikan kepada pekebun di kawasan terbitat bagi mengantikan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) pada tahun 2020.

Bagaimanapun, katanya, kadar sewaan dikatakan meningkat secara mendadak iaitu dari kira-



Foong Hin (kiri) menerima memorandum bagi menjelaskan kemelut pertanian di Cameron Highlands daripada Chi Yang di Putrajaya.

kira RM800 bagi 0.4 hektar setahun (kadar TOL) hingga RM4,500 pada keluasan sama.

"Dengan kata lain, kadar kenaikan adalah hampir 500 peratus dan amat membebankan para pekebun, selain tempoh sewaan lima tahun yang ditawarkan juga amat singkat.

"Situasi ini tidak dapat mem-

beri keyakinan kepada para pekebun untuk melaburkan masa, tenaga dan duit yang mencukupi untuk meningkatkan atau memodenkan kaedah pertanian," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Sebelum itu, Chi Yang bersama ahli Parlimen dan ADUN dari Parti Pakatan Harapan (PH)-

DAP mengadakan pertemuan dengan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin di Putrajaya.

Pertemuan terbabit bagi memahami secara lebih lanjut visi dan dasar baharu Kementerian serta membincangkan masalah pertanian yang dihadapi oleh setiap kawasan.

Satu memorandum juga telah diserahkan Foong Hin bagi menjelaskan kemelut pertanian di Cameron Highlands dan memohon perhatian, bantuan daripada Kerajaan Persekutuan agar membantu menyelesaikan masalah pertanian serta merancakkan pembangunan pertanian secara keseluruhannya.

Chi Yang menjelaskan, kadar sewaan tanah yang tinggi dan kekurangan sekuriti tanah di Cameron Highlands menyebabkan para pekebun terpaksa menanggung kos yang tinggi dan risiko.

Disebabkan itu, beliau ber-

yang mencukupi dalam sektor pertanian.

"Dalam jangka masa panjang, keadaan ini akan menjadi halangan kritis terhadap usaha pelbagai pihak untuk meningkatkan tahap dan mutu pertanian negara.

"Ini sekali gus akan menyakarkan pelaksanaan pelan kerajaan untuk meningkatkan tahap sekuriti makanan dan tahap sara diri," ujar beliau.

Selain itu, Chi Yang turut mengemukakan masalah lain yang membengku sektor pertanian di Cameron Highlands dan seluruh Malaysia, termasuk kekurangan tenaga buruh, kos pertanian seperti kos baja serta racun serangga yang semakin meningkat.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan telah mengumumkan beberapa pelan yang dilihat akan membawa kesan positif pembangunan sektor pertanian.

Antaranya, Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) 2.0 akan dilaksanakan untuk terus menyumbang kepada jumlah tenaga kerja di Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

## LPP, FAMA diarah segera laksana intervensi atasi kekurangan bekalan sayur



Harga beberapa jenis sayur meningkat antara dua hingga tiga kali ganda berbanding sebelum Monsun Timur Laut (MTL). - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) diarah mengambil langkah intervensi bagi menyelesaikan kekurangan bekalan sayur.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan di Facebook hari ini, berkata langkah intervensi itu perlu dilakukan segera bagi menambah dan mencukupkan bekalan sayur di negara ini.

Selain itu, katanya sistem data raya akan diwujudkan bagi mendapatkan maklumat secara masa nyata, sekali gus muncul sebagai penyelesaian jangka panjang membabitkan isu berkenaan.

"Sistem berkenaan akan memantau jenis sayur sedang ditanam, jumlah dan lokasi pengeluaran, jumlah import, eksport dan permintaan serta kos pengeluaran.

"Melalui sistem ini, kementerian akan dapat membuat unjuran dan persiapan awal untuk menghadapi sebarang kemungkinan," katanya mengulas laporan kekurangan bekalan sayur, antaranya kacang panjang, bendi dan terung.

BH Selasa lalu, melaporkan harga beberapa jenis sayur berdaun dan buah meningkat antara dua hingga tiga kali ganda berbanding sebelum Monsun Timur Laut (MTL).

Kebiasaannya, kenaikan harga berlaku apabila bekalan kurang, tetapi apa yang menghairankan peniaga dan pengguna ialah ia berlaku apabila bekalan sayur di pasaran mencukupi.

Mengenai sistem data raya yang akan dibangunkan, Mohamad mengakui dirinya tidak mahir dalam bidang teknologi maklumat (IT), namun mampu melaksanakan pemantauan menerusi telefon pintar.

"Saya bukanlah mahir dalam bidang IT tetapi jika saya boleh melihat 'dashboard' (papan pemuka) sistem melalui telefon pintar, bila-bila masa kita boleh membuat persiapan awal.

"Misalnya, jika kita dah boleh unjur tiga bulan lagi bekalan timun akan berkurangan, maka kita dah boleh minta agensi untuk giatkan tanaman sayuran jenis itu mulai minggu ini.

"Saya yakin ramai anak muda mampu menghasilkan sistem ini. Saya rasa kementerian tiada halangan untuk memberi dana sewajarnya untuk mereka membangunkan sistem ini demi kebaikan semua," katanya.

Headline	Tekanan untuk naikkan harga?		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Feb 2023	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	2	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	286 cm <sup>2</sup>
Journalist	ISMAIL DAUD	AdValue	RM 11,695
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,085



## Tekanan untuk naikkan harga?

SEMALAM, *Utusan Malaysia* melaporkan mengenai bekalan ayam dijangka tidak mencukupi menjelang Ramadan pada Mac ini sehingga ke Hari Raya Aidilfitri. Sepanjang tempoh itu, permintaan dijangka meningkat sehingga 100 peratus.

Peningkatan itu tidaklah mengejutkan kerana menu ayam memang menjadi kegemaran semasa Ramadan dan Aidilfitri.

Yang dirisaukan ialah amaran itu diberikan oleh penternak. Kata mereka, 4.4 juta ekor ayam diperlukan sehari untuk memenuhi permintaan sepanjang tempoh itu. Namun, penternak mendakwa mereka mungkin tidak mampu memenuhi permintaan itu.

Antara alasan yang diberikan ialah harga anak ayam sehari (DOC) yang meningkat, kos dedak yang sudah lama melambung dan juga kerena birokrasi untuk membawa masuk pekerja asing.

Kata mereka, kos operasi yang meningkat tanpa kenaikan pada harga ayam di pasaran mungkin akan memaksa mereka ‘berehat’ kerana tidak mampu menanggung kos untuk membesar operasi bagi menambah bekalan.

Mengikut Jabatan Perkhidmatan Veterinar, ayam pedaging biasanya matang dalam tempoh 28 hari dengan berat 1.8 kilogram. Untuk saiz yang lebih besar, ada yang menyembelih ayam pada usia 35 hingga 40 hari. Dalam setahun, satu ladang ayam boleh membuat enam pusingan ternakan.

Ini bermakna masih ada masa untuk memastikan masalah kekurangan ayam menjelang hujung Mac ini tidak berlaku. Ramadan akan bermula 23 Mac. Kita ada masa lebih kurang tujuh minggu.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak perlu menggunakan waktu yang terhad ini untuk merangka strategi.

Lihatlah apa yang dirungutkan oleh penternak dan bantulah atasi masalah itu. Jadilah kerajaan yang mesra industri. Jangan tergopoh-gopoh untuk mengimpor. Kalau isi harga DOC dan dedak menjadi punca, mungkin subsidi boleh disalurkan di peringkat itu.

Kalau isi pekerja asing jadi isi, permudahkanlah. Dengan itu, penternak tiada alasan untuk ‘berehat’ atau mengecilkan operasi mereka.

Lihat juga apa yang sudah kerajaan lakukan selama ini. Sudah banyak yang kerajaan bantu terhadap golongan penternak ini tetapi masalah tidak juga selesai. Di mana silapnya? Adakah penternak sengaja menimbulkan isi untuk menekan kerajaan supaya menaikkan harga ayam. Mungkin kita perlukan strategi baharu.

Namun, perkara paling penting ialah harga ayam harus kekal berpatutan untuk semua rakyat dan bekalan tidak menjadi masalah atau kerajaan perlu berdepan kemarahan rakyat. Sekarang pun rakyat asyik perli kerajaan sahaja kerana gagal turunkan harga ayam.

Isu ini sudah berlarutan sejak Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat pada 2020. Entah bila akan berakhir. Langkah terakhir, raya tahun ini kita tukar menu.

Ismail Daud ialah Pengarang Berita Kanan *Utusan Malaysia*